

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN (SUBANG)**

**SOALAN : NO. 490**

**TUAN WONG CHEN [Subang]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menggabung kesemua program kebajikan di bawah satu kementerian memandangkan kini terdapat pelbagai program kebajikan di pelbagai Kementerian. Ini akan mengurangkan kos pentadbiran dan memudahkan pembayaran dibuat kepada golongan miskin.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

---

Tuan Yang di-Pertua,

Setiap kementerian/agensi mempunyai fokus dan kumpulan sasar masing-masing. Sebagai contoh, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memberi fokus kepada kebajikan kumpulan wanita dan keluarga yang mana fokus ini berbeza dengan kementerian yang lain seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Walau bagaimanapun, sehingga kini penyelarasan dari segi data telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan di mana Kerajaan telah membangunkan Sistem eKasih sebagai satu pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia dan mengklasifikasikan kepada kategori Miskin Tegar atau Miskin berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa melalui proses verifikasi di lapangan.

Kriteria penetapan kategori kemiskinan adalah bergantung kepada jumlah pendapatan per kapita isi rumah dan berasaskan kepada formula perkiraan yang telah disediakan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan juga Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2016 ataupun *Household Income Survey* 2016.

Selain merekodkan profil isi rumah miskin di Malaysia, Sistem eKasih juga bertujuan merekod maklumat bantuan-bantuan daripada kementerian/agensi pemberi bantuan. Sistem eKasih ini memberi ruang kepada semua agensi pemberi bantuan yang terlibat dalam program pembasmian kemiskinan di peringkat Persekutuan dan Negeri mengakses data/maklumat kemiskinan yang sama. Hal ini akan dapat mengelakkan sebarang pertindihan atau ketirisan penyaluran bantuan/program kepada golongan miskin.

Selain itu, bagi memastikan kelestarian data eKasih dan bantuan dapat disalurkan kepada golongan sasar yang tepat, aktiviti pemutihan akan dijalankan sekurang-kurangnya dua tahun sekali kepada Ketua Isi Rumah (KIR) yang berdaftar di bawah Sistem eKasih. Di bawah Program Kelestarian eKasih, aktiviti *mobile team* atau lawatan turun padang bersama agensi pemberi bantuan terhadap kumpulan sasar juga akan dijalankan khusus untuk mengenal pasti bentuk bantuan (program/projek) yang bersesuaian dan menyalurkan bantuan berkenaan dalam tempoh masa yang segera.

Sistem eKasih juga telah diintegrasikan dengan sistem maklumat bantuan yang telah disalurkan oleh kementerian/agensi pemberi bantuan yang lain. Ini bagi memastikan kegunaan data eKasih yang lebih inklusif dan memberi manfaat kepada golongan berkenaan. Usaha menyelaras dan mengintegrasikan Sistem eKasih dengan sistem sedia ada serta perkongsian data dilaksanakan seperti berikut:

- (i) Sistem myIDENTITY di bawah Jabatan Pendaftaran Negara;
- (ii) Sistem eBantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- (iii) Data Penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) di bawah Kementerian Kewangan Malaysia;

## **SOALAN NO. 490**

- (iv) Data Penerima Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM); dan
- (v) Peringkat perbincangan teknikal dengan agensi zakat negeri melalui Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) di bawah KPM, Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Kerajaan Negeri Selangor serta Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) dan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman.

Sekian, terima kasih.